

TERMA DAN SYARAT KEMPEN CABUTAN HADIAH BULAN MESRA PELANGGAN PTPTN 2025

KEMPEN

1. Program Bulan Mesra Pelanggan (BMP) PTPTN 2025 adalah untuk memberikan peluang istimewa kepada semua peminjam PTPTN untuk membuat bayaran balik pinjaman PTPTN di samping menyokong sepenuhnya Kempen Lestari Pendidikan.
2. **Kempen Cabutan Hadiah BMP PTPTN 2025** adalah untuk menggalakkan peminjam untuk membuat bayaran balik dalam tempoh kempen bagi melayakkan cabutan hadiah.

TEMPOH KEMPEN

3. Tempoh kempen bermula **1 November 2025 – 15 Disember 2025**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan dalam laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

KELAYAKAN UMUM

5. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN.
6. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak)
7. Peminjam perlu membuat bayaran balik pinjaman dalam tempoh kempen.
8. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada amaun bayaran balik pinjaman PTPTN seperti berikut:

SALURAN BAYARAN	BAYARAN MINIMUM	CABUTAN
myPTPTN	RM500.00	2 Cabutan
Selain myPTPTN	RM500.00	1 Cabutan

9. Peminjam akan mendapat tambahan bilangan cabutan untuk setiap gandaan transaksi bayaran balik yang bernilai RM500.00 dalam tempoh kempen.
10. Cabutan pemenang yang layak akan dibuat mengikut negeri berdasarkan alamat surat menyurat peminjam yang berdaftar di PTPTN.

HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH

11. Kempen **Cabutan Hadiah Bulan Mesra Pelanggan PTPTN 2025** menawarkan hadiah seperti berikut:

PEMENANG	HADIAH (RM)	BILANGAN PEMENANG
PEMENANG UTAMA	RM2,000.00	1
KEDUA	RM1,000.00	1
KETIGA	RM500.00	3
SAGUHATI	RM100.00	5
JUMLAH	RM5,000.00	10

12. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ e-mel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian.
13. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman dalam tempoh DUA (2) BULAN daripada tarikh cabutan.
14. Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*.
15. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN.
16. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan.

17. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan.
18. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh DUA BELAS (12) BULAN daripada tarikh pengumuman pemenang.
19. Pemenang atau warisnya dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan.
20. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

PERUNTUKAN UMUM

21. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen ini, peminjam PTPTN mestilah termasuk di dalam kriteria Kelayakan Umum dan memenuhi mekanisma kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak PTPTN, peminjam PTPTN tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen.
22. Penyertaan peminjam PTPTN di dalam kempen ini adalah atas risiko sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut.
23. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dengan memberi notis awal melalui laman web rasmi PTPTN/ media massa/ paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai dalam tempoh sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya.
24. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini oleh PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana peminjam untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
25. Peminjam PTPTN adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang PTPTN dari semasa ke semasa untuk menyemak terma dan syarat serta mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat ini.

26. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya.
27. PTPTN berhak membatalkan penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati peminjam PTPTN tidak layak dan/atau tidak mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan.
28. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat.
29. Sekiranya terdapat percanggahan terma dan syarat kempen ini di dalam bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan kempen ini, maka terma dan syarat di dalam laman web rasmi PTPTN adalah mengatasi dan muktamad. Sebarang perkara mengenai kempen yang tidak dinyatakan dalam terma dan syarat adalah bergantung kepada budi bicara mutlak pihak PTPTN.
30. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peminjam PTPTN termasuk dan tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peminjam PTPTN, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Peminjam PTPTN hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.
31. Segala surat-menyurat yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod PTPTN dianggap telah diserahkan kepada peminjam PTPTN.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen Bulan Mesra Pelanggan (BMP) PTPTN 2025*

Maklumat dikemaskini pada 28 Oktober 2025